

TEKS UCAPAN

YB. Dato' Mohd Nizar Haji Zakaria

Pengerusi LPPKN

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LPPKN
BILANGAN 2 TAHUN 2020**

23 JULAI 2020 (KHAMIS)

**DEWAN BESAR, TINGKAT 22,
BANGUNAN LPPKN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih kepada saudara (En.Yusran B. Samsudin) & saudari (Cik Umie Nabiha bt Mustafar) sebagai pengacara majlis,

Yang Berbahagia Tn Haji Abdul Shukur Abdullah
Ketua Pengarah LPPKN,

Yang Berusaha Encik Hairil Fadzly Md. Akir
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar),

Yang Berusaha Encik Adzhar Ismail
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

Yang Berusaha, Encik Hafeez Ahmad
Yang Dipertua Kesatuan LPPKN

Yang Berusaha Encik Adzmel Mahmud

Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga selaku
Penganjur Majlis Perhimpunan pagi ini

Pengarah-Pengarah Bahagian

Pengarah - Pengarah Negeri

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga LPPKN yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, kita masih diberi kesempatan untuk bersama-sama di Majlis Perhimpunan Bulanan LPPKN Bilangan Ke-2 bagi Tahun 2020. Majlis ini begitu signifikan kerana pertama kalinya kita dapat berhimpun sebagai Keluarga Besar LPPKN sejak Kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 akibat daripada penularan pandemik COVID-19 yang sangat merbahaya.
2. Di kesempatan ini saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada seluruh petugas-petugas yang telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang begitu baik menangani serangan wabak COVID-19 termasuk warga kerja LPPKN yang turut bertugas dan memberi kerjasama padu ketika negara ditimpa malapateka yang dasyat ini.

3. Pendekatan mantap diambil kerajaan untuk menangani wabak COVID-19 di Malaysia mendapat penghargaan dan pengiktirafan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Sebuah agensi pelaburan antarabangsa iaitu JP Morgan memuji Malaysia kerana berjaya mempertahankan penularan COVID-19 kepada angka kurang daripada 6,000 kes positif pada fasa ketiga khususnya sepanjang April berbanding unjuran mereka yang berjumlah 6,300 kes positif dalam tempoh masa sama. Untuk rekod, setakat 21 Julai, sebanyak 8,815 kes positif yang dicatatkan dengan jumlah kes kematian sebanyak 123 orang.

4. Pada hari ini, perhimpunan kita nyata begitu berbeza sekali kerana kita perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan dengan memastikan adanya penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka dan mencuci tangan menggunakan *hand sanitizer*. SOP ini perlu diberikan perhatian yang serius oleh kita semua supaya rantai wabak COVID-19 dapat diputuskan sepenuhnya.

5. Dalam keadaan kebiasaan baharu sebegini, ia tidak mematahkan perancangan kita untuk menjayakan majlis perhimpunan ini. Walaupun kita tidak dapat berkumpul beramai-ramai secara fizikal di sini tetapi kita masih dapat dan berkumpul secara maya melalui penggunaan platform komunikasi WEBEX bagi menyampaikan amanat pihak Pengurusan selaras dengan hasrat dan aspirasi terkini Kerajaan.

6. Perhimpunan bulanan kali ini dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga (BPKK) bersempena dengan Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2020. Syabas dan tahniah kepada pihak BPKK dan bahagian lain yang telah bekerjasama merencana dan memastikan penganjuran majlis kita pada hari ini berjalan dengan baik dan mematuhi SOP
7. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih ke atas kepercayaan dan mandat yang telah diberikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melantik saya sebagai Pengerusi LPPKN yang ke-11 yang berkuatkuasa pada 15 Jun 2020. Sesungguhnya pelantikan ini merupakan suatu penghormatan dan amanah besar kepada saya untuk memberi sumbangan dan bakti kepada agensi penting negara yang bertanggungjawab untuk membina dan melahirkan generasi keluarga masa hadapan negara.
8. Sebagai Pengerusi yang baharu, saya juga mengharapkan kerjasama daripada semua Pengurusan Tertinggi LPPKN dan warga LPPKN untuk kita bersama-sama menyumbang bagi meningkatkan prestasi LPPKN dalam memberi perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat.
9. Saya juga ingin mengucapkan selamat ulang tahun ke-54 LPPKN yang disambut pada 10 Jun yang lalu. Tidak banyak Badan Berkanun Persekutuan yang masih bertahan sehingga ke hari ini dan sudah tentu juga dalam tempoh berkenaan LPPKN banyak berjasa dalam pembangunan negara sejak negara merdeka.

10. Relevansi dengan perubahan dan cabaran negara semasa, visi LPPKN untuk menjadi organisasi kecemerlangan penduduk dan keluarga saya kira wajar terus diperkukuhkan bagi menerajui atau menjuarai isu-isu negara berkaitan bidang kependudukan, pembangunan keluarga dan kesihatan reproduktif.

Warga LPPKN yang saya kasihi sekalian,

11. Wabak COVID-19 telah mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan kita. Hikmahnya, kita hendaklah menjadi lebih inovatif dan dinamik serta berupaya menyesuaikan diri dari segi corak pemikiran, gaya hidup serta budaya kerja agar relevan dengan keadaan dan keperluan semasa. Alhamdulillah, kita semua telah berjaya mengharungi fasa-fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sukar dan hasilnya negara kini berada di fasa terakhir pemulihan PKP. Kita semua berharap agar pandemik ini diputuskan rantaiannya menjelang tempoh akhir PKPP pada 31 Ogos 2020.
12. Dalam konteks tempoh pemulihan negara, pemerksaan keluarga dan komuniti amat penting sebagai strategi negara jangka panjang bagi menangani bencana mahupun sebarang wabak pada masa akan datang. Konsep kita jaga kita akan memastikan negara berjaya dalam memerangi wabak. Institusi keluarga perlu terus diperkasakan agar nilai-nilai disiplin, kerjasama dan saling melindungi yang dimulakan di dalam keluarga dan seterusnya dalam masyarakat.

13. Dalam fasa "*survive to restart*" atau fasa memulakan kelangsungan hidup, program "*reskilling*" dan "*upskilling*" atau peningkatan kemahiran dan latihan semula perlu diberi penekanan bagi membolehkan keluarga yang terkesan memulakan semula kehidupan baharu selepas COVID-19.

Kejayaan LPPKN

14. Saya berbangga kerana dimaklumkan baru-baru ini LPPKN telah berjaya memperolehi Pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk tempoh tiga (3) tahun iaitu 4 Mac 2020 hingga 3 Mac 2023 bagi Pengurusan Perkhidmatan Kaunseling Kekeluargaan, Penyelidikan dan Pengendalian Permohonan Data Mentah Kajian dan Pemberian Khidmat Nasihat Serta Bekalan Kontraseptif. Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat, persijilan ini juga akan meningkatkan daya saing dan penandaras kepada kualiti perkhidmatan LPPKN di dalam negara dan antarabangsa.

Pengisian Jawatan Kosong/ Kenaikan Pangkat

15. Saya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) Bil. 1/2020 yang telah diadakan pada 11 Jun 2020 telah memperakukan kenaikan pangkat seramai 48 orang anggota LPPKN dan lantikan seramai 35 orang anggota baharu. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua yang telah berjaya dinaikkan pangkat. Pastiya kenaikan pangkat ini adalah berdasarkan merit serta prestasi cemerlang tuan-tuan dan puan-puan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Begitu

pun, kenaikan pangkat ini datang bersamanya tanggungjawab dan amanah yang lebih besar. Cabaran-cabaran yang bakal dihadapi juga berbeza dan mungkin lebih rumit daripada sebelumnya. Harapan saya, agar tuan-tuan dan puan-puan melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen, ikhlas dan berintegriti.

16. Manakala kepada anggota yang baharu melapor diri, saya amat mengalu-alukan kedatangan tuan-tuan dan puan-puan dan saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan dapat menyesuaikan diri, mencurahkan khidmat bakti dan menyumbang idea yang bernas bagi membantu LPPKN dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada rakyat.

Perkhidmatan LPPKN dan Kebiasaan Baharu (*New Normal*)

17. Pengoperasian perkhidmatan LPPKN telah dimulakan secara sepenuhnya sejak pelaksanaan PKPP. Kaedah baharu dalam penyampaian perkhidmatan melibatkan kursus dan latihan kemahiran keibubapaan dibuat secara dalam talian. Perkhidmatan Kaunseling dan perkhidmatan Klinik Nur Sejahtera (KNS) juga disediakan dengan mematuhi SOP.
18. Saya dimaklumkan semasa PKP semua kaunselor dan panel kaunselor LPPKN iaitu seramai 68 orang telah memberi khidmat bertugas 24 jam secara bergilir-gilir menerusi perkhidmatan talian 15999 dan tele kaunseling LPPKN. Di sini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan hadapan negara yang telah berkhidmat bakti untuk

melindungi seluruh rakyat Malaysia sehingga kita diiktiraf sebagai antara negara yang paling berjaya dalam memerangi wabak COVID-19. Tahniah dan syabas, andalah wira-wira negara.

19. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), LPPKN telah menerima peruntukan di bawah Bantuan Khas NGO bagi melaksanakan proram bagi meningkatkan kesejahteraan keluarga. Selain itu juga seramai 240 orang ibu tunggal di bawah program LPPKN akan menerima bantuan khas ibu tunggal

20. Ketika tempoh PKP dan dalam waktu bekerja dari rumah, tidak menghalang kita untuk mengumpul data dan maklumat bagi mengkaji kesan COVID-19 terhadap institusi keluarga. Untuk itu, pihak Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, Bahagian Reproduksi Manusia dan Bahagian Kesejahteraan Keluarga serta Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menjalankan kajian untuk mengetahui situasi semasa keluarga daripada segi kesejahteraan emosi, bekerja dari rumah, penjagaan kesihatan, kebimbangan kewangan, amalan perancang keluarga dan juga belajar dari rumah. Satu kajian khususnya berkaitan warga LPPKN juga telah dilaksanakan bagi mengetahui keadaan semasa warga LPPKN ketika PKP. Semua kajian tersebut menggunakan kaedah pengumpulan data secara atas talian. Laporan dan infografik hasil kajian boleh dimuat turun dari *Family Repository LPPKN*. Sebanyak 7 kajian telah dilaksanakan iaitu:
 - (i) Siri 1-Tinjauan Terhadap Corak Hubungan Kekeluargaan, Kesejahteraan Emosi dan Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah Dalam Kalangan Warga LPPKN Semasa Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) Akibat Penularan Wabak COVID-19 pada 11 hingga 15 April 2020 ;

- (ii) Kajian Tinjauan Amalan Perancang Keluarga Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 23-27 April 2020;
- (iii) Kajian Kesediaan Ibu Bapa dalam Pembelajaran dari Rumah selepas penutupan sekolah berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 25 April hingga 1 Mei 2020;
- (iv) Tinjauan Ke Atas Kesejahteraan Keluarga Sepanjang PKP Akibat Pandemik COVID-19 secara kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada Mei 2020; dan
- (v) Siri 2-Tinjauan Terhadap Corak Hubungan Kekeluargaan, Kesejahteraan Emosi dan Pelaksanaan Bekerja Dari Rumah Dalam Kalangan Warga LPPKN Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Akibat Penularan Wabak COVID-19 pada 11 hingga 14 Jun;
- (vi) Tinjauan Ke Atas Cabaran Sepanjang Tempoh PKP sempena Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2020 pada 19 hingga 21 Jun 2020; dan
- (vii) Tinjauan Kesan COVID-19 Terhadap Gaya Hidup, Bekerja Dari Rumah Dan Perancang Keluarga pada 17 hingga 20 Julai 2020.

21. HENDAK SERIBU DAYA. TAK HENDAK SERIBU DALIH.

Sesungguhnya banyak tugas dan aktiviti yang dilakukan ketika PKP membuktikan warga LPPKN boleh menyediakan perkhidmatan dan program dalam kebiasaan baharu dan mengekalkan kebajikan warganya. Walaupun Sambutan Hari Ibu pada 10 Mei 2020 dan Hari Bapa pada 21 Jun 2020 berada dalam tempoh PKP namun ia

tidak menghalang LPPKN untuk menganjurkan aktiviti sambutan tersebut dengan meriah mengikut Kaedah Baharu. Kelebihan Teknologi Maklumat dan ICT telah digunakan sebaik mungkin bagi mempromosi sambutan tersebut melalui pelaksanaan Webinar, infografik, poster, surat khabar, radio, televisyen dan termasuk di semua platform media sosial rasmi LPPKN. YB Menteri dan Timbalan Menteri KPWKM juga telah menyampaikan mesej sambutan Hari Ibu dan disebar luas melalui semua platform media sosial rasmi KPWKM dan LPPKN.

Hari Penduduk Sedunia

22. Pada hari ini, saya sangat berbesar hati untuk **MERASMIKAN SAMBUTAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2020**. Saya dimaklumkan bahawa bulan Julai merupakan bulan yang penting kepada LPPKN bagi menguar-uarkan maklumat mengenai isu-isu kependudukan negara dan antarabangsa kepada masyarakat. PBB telah mengisytiharkan 11 Julai sebagai sambutan Hari Penduduk Sedunia pada tahun 1989 yang diilhamkan apabila penduduk dunia mencapai jumlah 5 bilion pada 11 Julai 1987.

23. Setiap tahun sejak 2006, LPPKN menyambut hari tersebut dengan mengikut tema yang telah ditetapkan oleh pihak Badan Tabung Kependudukan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nation Population Fund - UNFPA). Tema bagi tahun 2020 adalah "*Putting the brakes on COVID-19: How to Safeguard The Health and Rights of Women and Girls Now*" atau "Hentikan Penularan COVID-19: Lindungi Hak Dan Kesihatan Wanita Dan Gadis". Tema ini dipilih kerana wanita secara amnya terkesan akibat penularan COVID-19 yang sehingga

kini telah mewujudkan krisis kesihatan dan kemelesetan ekonomi di seluruh dunia. Bagi wanita, yang merupakan sebahagian besar pekerja kesihatan barisan hadapan, misalnya, terdedah kepada virus COVID-19 secara tidak langsung. Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan perkhidmatan kesihatan reproduktif di seluruh dunia terjejas akibat perintah kawalan pergerakan. Ini menyebabkan bekalan kontraseptif menjadi terhad dan sukar diperolehi sekali gus meningkatkan risiko kehamilan yang tidak dirancang.

24. Turut menjadi kekusaran kepada wanita adalah peningkatan kes keganasan rumah tangga apabila sebanyak 135 panggilan aduan telah direkodkan melalui Talian Kasih semasa tempoh PKP April lepas. Meningkatkan lagi kekusaran tersebut adalah tekanan yang dialami wanita dan keluarga sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan akibat risiko dibuang kerja dan hilang sumber pendapatan kesan krisis ekonomi yang melanda seluruh dunia.

Program dan Aktiviti Sambutan Hari Penduduk Sedunia 2020

25. LPPKN melalui Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan pengisian sepanjang Julai ini bagi mempromosikan Hari Penduduk Sedunia 2020 melalui :
- i. Info grafik dan poster;
 - ii. Kenyataan Media (Sinar Harian, Berita Harian, Astro Awani, Bernama)
 - iii. Input media (Utusan, Bernama)
 - iv. Sesi temuramah di TV (Selamat Pagi Malaysia TV1)

- v. Sesi temuramah di Radio (Nasional FM, KLfm dan BFM)
 - vi. pENGANJURAN webinar pada 23 Julai 2020 bertajuk "Sembang2#newnormal:WFH -WFO Combo" bersama UUM, National Council of Women's Organisations Malaysia (NCWO), UM, MIER dan KPWKM.
 - vii. Tinjauan Kesan COVID-19 Terhadap Gaya Hidup, Bekerja Dari Rumah Dan Perancang Keluarga pada 17 hingga 20 Julai 2020.
26. Kemuncak kepada sambutan ini **penganjuran satu webinar oleh LPPKN bersama Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya dan United Nations Population Fund (UNFPA)** yang bertajuk "**Impak COVID-19 terhadap Sosial, Kesihatan dan Ekonomi di Malaysia**" pada 27 Julai 2020, jam 10 pagi hingga 12 tengahari. Buat pertama kalinya, persidangan akan dilakukan secara maya dengan menggunakan platform Zoom. Penyertaan adalah percuma dan disasarkan seramai 300 peserta akan menyertai webinar ini meliputi para penggubal dasar, perancang program, pengurus program, penyelidik, pelajar IPT dan masyarakat umum. Anda semua warga LPPKN sangat digalakkan untuk menyertai webinar ini dan mendapat maklumat tentang isu-isu kependudukan. Syabas diucapkan kepada BPKK serta bahagian lain yang turut membantu promosi, program dan aktiviti Sambutan Hari Penduduk Sedunia dan semoga maklumat yang dikongsi memberi manfaat kepada semua.

Harapan

27. Saya berpeluang mengenali dan memahami fungsi dan peranan LPPKN dengan lebih mendalam semasa sesi *engagement* saya dengan mendengar taklimat serta lawatan di Bahagian Perancangan Strategik, Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga, Bahagian Kesejahteraan Keluarga, Bahagian Reproduksi Manusia. Pusat TIMANG dan KAFETEEN. Saya juga bersyukur kerana dapat membuat lawatan ke LPPKN Negeri Perlis, Klinik Nursejahtera Taiping dan LPPKN Negeri Selangor. Ternyata fungsi LPPKN begitu luas sekali dalam membangun dan mensejahterakan keluarga di Malaysia. Untuk perancangan masa hadapan, lawatan saya ke LPPKN negeri akan diteruskan lagi.

28. Saya juga ingin berkongsi mandat YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa sesi lawatan beliau ke LPPKN pada 23 Jun yang lalu. Beliau telah meminta LPPKN mempergiatkan program promosi dan aksesibiliti agar lebih ramai kumpulan sasaran boleh mendapat manfaat daripada program dan perkhidmatan LPPKN. Selain itu, LPPKN turut perlu beri tumpuan adalah penjana pendapatan supaya LPPKN boleh menjadi badan berkanun yang lebih kukuh dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada Kerajaan. InshaAllah kita akan berusaha merealisasikannya bersama. Mungkin juga sudah tiba masanya untuk kita semak semula Akta 352 untuk memperluaskan fungsi LPPKN meliputi elemen penguatkuasaan supaya peranan LPPKN boleh dimantapkan.

Penutup

29. Saya percaya, LPPKN adalah agensi yang sangat penting kepada negara dan bertanggungjawab untuk membina dan melahirkan generasi keluarga masa hadapan negara. Ketua Pengarah kita juga adalah seorang yang bercita-cita tinggi untuk membawa LPPKN ke tahap yang lebih tinggi. Banyak yang beliau telah kongsi kepada saya dan saya yakin LPPKN akan cemerlang di bawah kepimpinan beliau. Kita adalah keluarga besar LPPKN dan kita harus bersama-sama menjayakan visi Menjadi Organisasi Kecemerlangan Penduduk dan Keluarga. Akhir kalam, saya ingin memetik kata-kata Buya Hamka “*Tugas kita bukanlah untuk berhasil. Tugas kita adalah untuk mencoba, karena di dalam mencoba itulah kita menemukan dan belajar membangun kesempatan untuk berhasil.*” – HAMKA.

Sekian, Wabillahitaufik, Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh